

13/03/2000

Ku Li diminta pegang hasrat asal kembali ke Umno

PADANG BESAR, Ahad - Umno bahagian Padang Besar meminta Tengku Razaleigh Hamzah berpegang kepada hasratnya apabila kembali ke pangkuan parti iaitu membantu menyatupadukan orang Melayu.

Justeru, Ketuanya, Datuk Azmi Khalid, berkata Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan itu perlu membuat pendirian jelas sama ada mahu bertanding jawatan Presiden atau Timbalan Presiden pada pemilihan Mei ini.

Menurut beliau, walaupun Tengku Razaleigh tidak pernah secara langsung membuat kenyataan rasmi mahu merebut satu jawatan tertinggi dalam parti itu, maksud tersirat daripada beberapa kenyataan beliau adalah ke arah itu.

"Saya berharap ahli Umno tidak menganggap sesiapa yang menawar diri bertanding dalam pemilihan kali ini sebagai musuh parti tetapi mereka yang mahu bertanding perlu memikirkan sama ada tindakan itu boleh menjejaskan kekuatan parti atau tidak.

"Sebab itu Majlis Tertinggi (MT) menasihat supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan walaupun Perlembagaan parti tidak menghalang.

"MT membuat saranan itu kerana Umno seperti orang yang sakit selepas menghadapi pilihan raya umum lalu dan ia perlu dirawat dulu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Umno bahagian Padang Besar di Institut Kemahiran Mara (IKM), di sini, hari ini.

Jumaat lalu, Umno bahagian Tanah Merah mencalonkan Tengku Razaleigh sebagai Presiden dan Timbalan Presiden. Bagaimanapun, cubaan mencalonkan beliau untuk kedua-dua jawatan itu oleh bahagian Padang Terap dan Kuala Krai, semalam, tidak berjaya.

Azmi yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar berkata, pengalaman 1981 dan 1984 membuktikan kekuatan Umno terhakis sedikit apabila Tengku Razaleigh mencabar Tan Sri Musa Hitam untuk jawatan Timbalan Presiden.

Katanya, keadaan menjadi bertambah teruk dalam pemilihan 1987 apabila Tengku Razaleigh mencabar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sehingga menyebabkan Umno diharamkan.

Keadaan itu, katanya, menjurus kepada kekalahan Barisan Nasional (BN) di Kelantan dalam pilihan raya umum 1990 yang mana negeri di pantai timur itu jatuh ke tangan Pas.

Ditanya adakah itu bermakna jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak wajar ditandingi langsung bagi menjamin kekuatan parti, Azmi berkata, pertandingan boleh diadakan apabila kedudukan dalaman parti stabil.

Beliau berkata, pada pilihan raya umum lalu, kurang daripada 40 peratus pengundi Melayu mengundi BN yang mana keadaan itu perlu ditangani bagi mengelak pembangkang, terutama Pas lebih berkuasa.

(END)